

Peranan pengamal perubatan tradisional

APABILA melibatkan gangguan mental, biasanya masyarakat akan memandangnya sebagai 'penyakit bukan perubatan' kerana beranggapan penyakit tersebut tidak menunjukkan elemen yang boleh dilihat. Oleh itu, mereka tidak merujuk kepada doktor perubatan tetapi kepada pengamal perubatan tradisional.

Pensyarah dan Doktor Psikiatri Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), **Dr. Hazli Zakaria** berkata, 54 peratus daripada pesakit psikiatri mempunyai sekurang-kurangnya satu hubungan dengan penyembuh tradisional sebelum berunding dengan perkhidmatan psikiatri.

Katanya, keadaan ini menunjukkan pelbagai lapisan masyarakat di negara-negara membangun juga memilih mereka sebagai pilihan utama.

Ujarnya, perkara tersebut bukan sahaja berlaku di Malaysia, bahkan juga negara-negara lain seperti Indonesia, India, China, Korea, dan Filipina.

"Punca-punca gangguan mental yang ditunjukkan oleh pengamal perubatan tradisional seperti ilmu hitam atau gangguan roh-roh jahat adalah mudah difahami dan boleh diterima untuk pesakit serta keluarga mereka berbanding istilah perubatan moden yang disampaikan.

"Oleh itu, pergantungan mereka kepada pengamal perubatan tradisional adalah sangat tinggi. Ada beberapa kajian yang dilakukan menunjukkan sesetengah daripada rawatan perubatan tradisional berkesan untuk merawat pesakit yang mengalami gangguan mental," katanya.

Tambahnya, kebergantungan ini tidak boleh disalahkan kerana keadaan keluarga yang terlalu terdesak untuk memulihkan pesakit, kerana mereka tahu jika kes dirujuk kepada perubatan moden, agak mengambil masa lama berbanding



DR. HAZLI ZAKARIA

rawatan alternatif yang terus memberi penyelesaian kepada masalah mereka.

"Di Ujung Padang, Indonesia, pengamal perubatan tradisional menjadi rujukan utama kepada masyarakat di sana kerana pengamal mempunyai maklumat yang cukup berkaitan dengan perubatan moden dan menggabungkan kedua-dua elemen sebagai satu rawatan," katanya.

Beliau tidak menafikan kebaikan yang diperoleh daripada rawatan alternatif, tetapi hanya kepada rawatan dalam kes neurosis sahaja.

Mereka yang tergolong di dalam kumpulan ini lazimnya hanya mengalami perubahan dan gangguan di dalam pemikiran, perasaan dan kelakuan tanpa menjejaskan kewarasan mereka tetapi bukan dalam kes psikosis.

"Bagi kes psikosis, penghidap tidak dapat membezakan yang antara realiti atau fantasi yang menjejaskan kewarasan mereka. Skizofrenia adalah di bawah kumpulan psikosis dan mereka perlu dirujuk kepada doktor psikiatri," ujarnya.

Apabila seseorang itu merujuk kepada pengamal perubatan tradisional, biasanya mereka akan dirawat menggunakan air bacaan, jampi, herba, urutan, dan doa, berbanding di hospital yang menggunakan ubat dan kaunseling sebagai elemen rawatan.

Namun, kedua-duanya menuju matlamat yang sama, iaitu menyembuhkan penyakit, mencegah daripada terus melarat, atau sekurang-kurangnya mengekalkan kesihatan yang sedia ada.

Rawatan tersebut wujud bukanlah bertujuan untuk mengambil alih fungsi perubatan moden, mungkin boleh menjadi pelengkap kepada perubatan moden.

Lebih banyak kajian yang diperlukan bagi mengatasi kesangsian yang timbul apabila menyentuh tentang keberkesanan rawatan moden atau alternatif.